



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH FAKTOR SOSIO-DEMOGRAFI DAN EKONOMI TERHADAP
PEMILIKAN DAN KEINGINAN PEMILIKAN INSURANS
DALAM KUMPULAN B40**

SYAZWANI BINTI MOHD BAKRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI PEMBANGUNAN)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan faktor sosio-demografi dan ekonomi iaitu jantina, taraf perkahwinan, umur, bangsa, lokasi kediaman, tahap pendidikan, pekerjaan, bilangan tanggungan, pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pinjaman yang mempengaruhi pemilikan dan keinginan pemilikan insurans (Hayat, Kesihatan dan Perubatan, Kemalangan Diri & Keluarga) dalam kalangan isi rumah B40 di Perak. Instrumen kajian telah dikumpulkan melalui pengagihan borang soal selidik yang diedarkan kepada 662 isi rumah B40 melalui penggunaan teknik persampelan berkelompok. Selanjutnya, kaedah kuantitatif dengan reka bentuk kajian kes, telah menggunakan pendekatan Model Logit dan Model Kuasa Dua Terkecil dalam menganalisis data-data yang diperolehi dari borang soal selidik. Dalam mencapai objektif kajian, empat model telah dibentuk iaitu, Model 1 (kebarangkalian memiliki insurans), Model 2 (perbelanjaan insurans), Model 3 (kebarangkalian keinginan memiliki insurans) dan Model 4 (kesanggupan perbelanjaan insurans) untuk melihat peranan pemboleh ubah pendapatan yang merupakan indikator utama dalam mempengaruhi empat pemboleh ubah bersandar tersebut. Dapatan kajian Model 1 menunjukkan bahawa pendapatan ($\beta_1 = 0.216$) mempengaruhi pemilikan insurans secara positif iaitu, peningkatan dalam pendapatan menyebabkan golongan B40 yang memiliki insurans adalah lebih tinggi sebanyak 21.6% berbanding mereka yang tidak memiliki insurans. Sebaliknya, dapatan kajian pada Model 3 bertentangan dengan dapatan kajian Model 1 iaitu apabila mereka diberi RM1,000 mereka tidak membelanjakan ke arah pembelian insurans dan ini disokong oleh hubungan negatif pemboleh ubah pendapatan ($\beta_3 = -0.226$) terhadap pemboleh ubah bersandar kebarangkalian keinginan memiliki insurans. Kesimpulannya, kajian menunjukkan wujud keinginan untuk membeli dan memiliki insurans dalam golongan B40 namun pendapatan yang terhad menyebabkan mereka tidak dapat mengutamakan perbelanjaan insurans. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pemilikan insurans merupakan perbelanjaan yang penting dan harus dimiliki dalam golongan ini, namun ia bergantung kepada corak perbelanjaan dan keutamaan mereka. Justeru itu, pihak kerajaan perlu bekerjasama dengan syarikat insurans bagi menghasilkan produk yang mesra pengguna isi rumah berpendapatan terendah (B40) bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam pemilikan insurans.





THE INFLUENCE OF SOCIO-DEMOGRAPHIC AND ECONOMIC FACTORS ON INSURANCE OWNERSHIP AND DESIRABILITY OF INSURANCE COVERAGE AMONGST THE B40 GROUP

ABSTRACT

The aim of this study was to determine the socio-demographic and economic factors (gender, marital status, age, race, residence, education level, occupation, number of dependents, income, expenses, saving & loan) affecting ownership and intention of having insurance coverage (Life, Health and Medical, Personal Accident & Family) amongst the B40 group in Perak. The research instrument was compiled through the distribution of questionnaires distributed to 662 B40 households using cluster sampling techniques. Additionally, quantitative methods with the case study design had used the Logistic and Ordinary Least Square models in analyzing the data obtained from the questionnaire form. In achieving the objectives of this study, four models were developed namely, Model 1 (probability of having insurance), Model 2 (total insurance expenditure), Model 3 (the probability of intention to own insurance) and Model 4 (the estimated total of insurance expenditure willingness) to see the role of income variables which were the key indicators in influencing these four dependent variables. The findings in Model 1 showed that income ($\beta_1 = 0.216$) had a positive impact on insurance ownership, in which an increase in income led to higher number of B40 group owning insurance with 21.6% compared to those who did not have insurance. On the other hand, the findings of the study in Model 3 had opposite impact with the findings in Model 1, that is, if they were given RM1,000; they did not spend the money for insurance coverage, which was supported by the negative relationship between income variable ($\beta_3 = -0.226$) with the probability of desirability to own insurance as a dependent variable. In conclusion, the results of this study showed that there was a intention to buy and own insurance in the B40 group but limited income caused the respondents to not prioritize insurance expenses. This study implied that insurance ownership was important and a must-have expenditure for this group, but it depended on spending pattern and priorities because they chose to spend on prevailing needs. Hence, the government must cooperate with insurance companies to produce a user-friendly insurance product for the B40 group to encourage their participation in insurance ownership.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Hipotesis Kajian	18
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	23
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Skop dan Batasan Kajian	28

1.10	Definisi Operasional	29
1.10.1	Pemilikan Insurans dan Jumlah Perbelanjaan Insurans	29
1.10.2	Keinginan untuk Memiliki Insurans dan Anggaran jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup Dibuat	33
1.10.3	Isi Rumah Berpendapatan Terendah (B40)	34
1.10.4	Pendapatan Semasa	34
1.10.5	Pemboleh ubah dami dalam faktor sosio-demografi	35
1.10.6	Bilangan Tanggungan	36
1.10.7	Perbelanjaan, Simpanan dan Pinjaman	36
1.11	Rumusan	38

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	40
2.2	Latar Belakang Teori	41
2.2.1	Hipotesis Pendapatan Kekal (Permanent Income Hypothesis)	41
2.2.2	Hipotesis Pendapatan Kitaran Hayat (Life cycle Income Hypothesis)	42
2.3	Kajian Lepas	43
2.3.1	Faktor Sosio-demografi	43
2.3.2	Faktor ekonomi	50
2.3.3	Faktor-faktor lain	57
2.4	Rumusan	69

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.3	Populasi dan Persampelan	72
3.4	Lokasi Kajian	75
3.5	Instrumen Kajian	77

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	79
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.8	Prosedur Analisis Data	82
3.8.1	Analisis Deskriptif	83
3.8.2	Pengukuran Pemboleh ubah	83
3.8.3	Model Logit (Regresi Logit)	87
3.8.4	Kaedah Kuasa Dua Terkecil (Ordinary Least Square-OLS)	88
3.8.5	Pembentukan Model	89
3.8.5.1	Kaedah Pembentukan Model	90
3.8.5.2	Pembentukan Model dan Spesifikasi Model	95
3.9	Rumusan	101

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	102
4.2	Profil Responden	103
4.3	Ciri-Ciri Isi Rumah Berpendapatan Terendah (B40) Yang Memiliki Perlindungan Insurans dan Yang Ingin Memiliki Perlindungan Insurans	107
4.4	Keputusan Analisis Regresi	113
4.4.1	Model Pemilikan Perlindungan Insurans (Model 1)	114
4.4.2	Model Jumlah Perbelanjaan Perlindungan Insurans (Model 2)	118
4.4.3	Model Keinginan Memiliki Perlindungan Insurans (Model 3)	127
4.4.4	Model Anggaran jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup dibuat (Model 4)	131
4.5	Keputusan Penganggaran Bagi Keempat-empat Model	138
4.6	Rumusan Hipotesis Kajian	153
4.7	Rumusan	165



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	167
5.2	Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian	168
5.3	Implikasi Dasar	180
5.4	Cadangan Kajian Seterusnya	185
5.5	Rumusan	187
RUJUKAN		189
LAMPIRAN		197





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Cadangan prinsip-prinsip yang perlu ada bagi produk mikroinsurans/mikrotakaful	9
1.2	Hipotesis <i>null</i> (H_0) bagi Model Pemilikan Insurans	18
1.3	Hipotesis kajian bagi Model Jumlah Perbelanjaan Insurans	19
1.4	Hipotesis kajian bagi Model Keinginan untuk Memiliki Insurans	21
1.5	Hipotesis kajian bagi Model Anggaran Jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup Dibuat	22
2.1	Ringkasan kajian empirikal terhadap pemilikan insurans	56
2.2	Ringkasan kajian empirikal terhadap jumlah perbelanjaan insurans	63
3.1	Bilangan dan peratus isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) mengikut negeri, 2016	74
3.2	Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Mengikut Negeri bagi tahun 2016, Malaysia	76
4.1	Profil responden (Isi rumah berpendapatan terendah (B40)	106
4.2	Ciri-ciri isi rumah berpendapatan terendah (B40)	110
4.3	Model Penganggaran Pemilikan Perlindungan Insurans (n=662)	116
4.4	Model Penganggaran Jumlah Perbelanjaan Insurans	124
4.5	Model Penganggaran Keinginan Memiliki Perlindungan Insurans (n=368)	129
4.6	Model Penganggaran Anggaran Jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup Dibuat	135





4.7	Keputusan Penganggaran	151
4.8	Model Pemilikan Insurans	153
4.9	Model Jumlah Perbelanjaan Insurans	156
4.10	Model Keinginan untuk Memiliki Insurans	159
4.11	Model Anggaran Jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup dibuat	162





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Peratusan isi rumah berpendapatan terendah (B40) di Malaysia mengikut negeri 2016. Diadaptasi dari Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. (2017)	13
1.2	Kerangka konseptual kajian. Diadaptasi daripada Tan et al.(2014)	25





SENARAI SINGKATAN

1MMPP	Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia
AIA	<i>American International Assurance</i>
ASB	Amanah Saham Bumiputera
B40	Isi Rumah Berpendapatan Terendah
BNM	Bank Negara Malaysia
BPL	<i>Below the Poverty Line</i>
CBHI	<i>Community based health insurers</i>
c.d.f	<i>cumulative probability distribution functions</i>
EIS	<i>Employee Insurance Scheme</i>
FWHIS	Skim Insurans Kesihatan Pekerja Asing
GLM	<i>Generalized Linear Model</i>
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPK	Insurans Perubatan dan Kesihatan
IR	Isi Rumah
KAFA	Kelas Agama Fardu Ain
KD	Kemalangan Diri
KDDT	Kaedah Kuasa Dua Terkecil
KDBK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LLC	<i>MicroInsurance Centre</i>
Ln	Logaritma natural
M40	Isi Rumah Berpendapatan Menengah
MMI	<i>Malaysia Medical Insurance Organisation</i>





MW	<i>Minimum wages</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
OLS	<i>Ordinary Least Square</i>
OOC	Kawalan Kos Operasi
SIP	Skim Insurans Pekerja
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Science</i>
PEMANDU	<i>Performance Management and Delivery Unit</i>
PNAD	<i>Brazilian National Household Survey</i>
R^2	Pekali penentu
RM	Ringgit Malaysia
TASKA	Taman Didikan Kanak-kanak
T20	Isi Rumah Berpendapatan Tertinggi
UPE	Unit Perancangan Ekonomi
US\$	<i>United Stated Dollars</i>
WTP	<i>Willingness to pay</i>
VIF	<i>Variance Inflation Facto</i>





SENARAI LAMPIRAN

A	Halaman Judul
B	Perakuan
C	Borang Soal Selidik
D	Analisis Deskriptif
E	Ciri-Ciri Responden yang Memiliki Insurans
F	Ciri-Ciri Responden Ingin Memiliki Insurans
G	Model 1 (Regresi Tak Linear Berbilang)
H	Model 2 (Regresi Linear Berbilang)
I	Model 3 (Regresi Tak Linear Berbilang)
J	Model 4 (Regresi Linear Berbilang)
K	Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Perkataan insurans tidak asing lagi dalam masyarakat Malaysia yang mana pemegang-pemegang polisi insurans memperuntukkan sebahagian pendapatan yang diperoleh terhadap perbelanjaan insurans. Kebanyakan masyarakat pada masa kini sudah memiliki insurans bagi menjamin keselamatan diri dan keluarga dari segi risiko kerugian dan kestabilan kewangan jika keadaan tidak diingini berlaku. Ini dibuktikan dengan data statistik yang menunjukkan bahawa 45 peratus penduduk Malaysia mempunyai satu produk insurans dan kurang daripada 15 peratus mempunyai produk takaful (Charon, 2016).





Definisi insurans secara menyeluruh boleh ditakrifkan sebagai perbelanjaan yang dibuat secara berterusan dan konsisten bagi menghadapi risiko kerugian luar jangka seperti kematian pra-matang, kemalangan diri, kos kesihatan dan perubatan sepanjang tempoh kitaran hidup seseorang atau isi rumah. Insurans merupakan kontrak komersil yang termasuk di dalam katagori kontrak pertukaran kewangan bagi menyediakan sebarang pampasan bagi kehilangan, kerosakan dan kecederaan (Zaharuddin, 2008). Insurans sebenarnya penting dimiliki oleh semua golongan masyarakat sebagai perlindungan kewangan dan gaya hidup dalam menjalani kehidupan seharian yang terdedah dengan pelbagai risiko yang tidak dijangka (EzTakaful, 2017). Perlindungan insurans terbahagi kepada insurans hayat, insurans kesihatan dan perubatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga. Empat jenis insurans ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan yang akan ditanggung jika berlaku kemalangan ke atas diri, kematian ahli keluarga dan menghadapi penyakit. Perlindungan insurans ini dapat membantu meringankan beban dari segi kewangan pemegang polisi insurans dan tanggungan mereka sekiranya berlaku kemalangan atau kejadian yang tidak diingini.

Insurans di Malaysia terdiri daripada dua jenis; iaitu insurans konvesional dan insurans takaful yang patuh syariah. Insurans konvesional terdiri daripada enam jenis iaitu insurans perubatan dan kesihatan, anuiti persaraan, insurans perjalanan, insurans empunya rumah, insurans berkaitan pelaburan, insurans hayat dan insurans kemalangan diri (Undang-undang Malaysia, 2011). Manakala insurans takaful terdiri daripada takaful berkaitan pelaburan, takaful motor, takaful perubatan dan kesihatan, takaful kemalangan diri, takaful keluarga dan takaful empunya rumah (Undang-undang Malaysia, 2011). Namun begitu, fokus dalam kajian ini hanya melibatkan





empat jenis insurans iaitu insurans hayat, insurans perubatan dan kesihatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga; yang berkaitan dengan kos atau perbelanjaan perubatan jika menghadapi penyakit, kemalangan dan kematian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Industri insurans dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kerana industri insurans pada era ini menjadi salah satu komponen utama dalam pertumbuhan ekonomi negara (Cristea, Marcu & Cârstina; 2014). Hal ini demikian kerana dana yang diperolehi oleh syarikat insurans daripada premium dapat digunakan untuk membiayai pelaburan dalam projek pembangunan negara (Curak, Dzaja, & Pepur; 2013). Antara langkah-langkah yang telah kerajaan laksanakan di bawah industri insurans seperti Skim Insurans Pekerja (*Employee Insurance Scheme* (EIS) bermula pada tahun 2018, Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia (*1Malaysia Micro. Protection Plan*, 1MMPP), Skim Insurans Kesihatan Pekerja Asing (FWHIS) dan sebagainya (Dhesi, 2011; PEMANDU, 2013).

Selain itu, sektor insurans dapat membuka banyak peluang ekonomi terutama peluang pekerjaan kepada penduduk dalam pelbagai perkhidmatan. Antara syarikat insurans hayat, insurans perubatan dan kesihatan dan takaful yang terkenal di Malaysia ialah Great Eastern Life Assurance, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Mayban Life Assurance, Manulife, AIA (American International Assurance), Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, Tokio Marine Life Insurance, Zurich Insurance Malaysia, Hong Leong Assurance Organisasi Insurans Perubatan Malaysia (MMI),





AIA Bhd, HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad dan Hong Leong MSIG Takaful Berhad. Pada masa kini insurans merupakan salah satu indikator perlindungan yang penting kepada isi rumah.

Selanjutnya, pada tahun 2016 terdapat 55 penanggung insurans dan pengendali takaful dalam industri, iaitu termasuk penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula (Bank Negara Malaysia, 2017). Menurut laporan yang sama, prestasi sektor insurans dan takaful mencatatkan pertumbuhan yang positif iaitu 4.4 peratus dalam nilai perubahan premium dan caruman daripada RM58.7 bilion pada tahun 2015 kepada RM61.3 bilion. Selain itu, gabungan aset insurans dan takaful meningkat 5% daripada RM263.8 bilion pada tahun 2015 kepada RM277 bilion pada tahun 2016. Bagi sektor insurans hayat, pertumbuhan perniagaan baharu disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam polisi premium insurans endowment tetap (*regular premium endowment policies*) yang menggabungkan perlindungan dengan simpanan dan pelaburan. Manakala bagi perniagaan baharu dalam sektor takaful keluarga didorong oleh polisi kelompok bertempoh (*group term policies*) iaitu termasuk polisi bertempoh berkaitan kredit.

Komposisi bagi perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga masih tidak berubah disebabkan pasaran kewangan yang tidak menentu sejak tiga tahun kebelakangan ini, kecuali perniagaan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang meningkat daripada 8.7 peratus pada tahun 2012 kepada 12.4 peratus pada tahun 2016 (Bank Negara Malaysia, 2017). Hal ini disebabkan oleh penyediaan faedah pekerja secara berkelompok yang lebih banyak oleh syarikat-syarikat selaras dengan kenaikan





kos pembiayaan kesihatan. Anggaran jurang perlindungan purata (Ukuran tahap sesuatu keluarga terkurang insurans berikutan kematian pencari nafkah utama) di Malaysia adalah antara RM553,000 untuk keluarga yang pencari nafkah utamanya mempunyai insurans hayat yang tertentu, hingga RM723,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya tidak mempunyai apa-apa insurans hayat (Bank Negara Malaysia, 2017). Ini menunjukkan bahawa pemilikan polisi insurans hayat masih lagi pada tahap yang tidak memuaskan. Hal ini demikian kerana kemampuan membayar dan akses yang diperlukan bagi menyediakan perkhidmatan polisi insurans masih menjadi halangan utama untuk meningkatkan permintaan dalam pasaran.

Terdapat beberapa inisiatif penting telah diambil sejak beberapa tahun kebelakangan ini bagi menggalakkan inovasi produk serta meluaskan saluran pengagihan produk dan perkhidmatan insurans dan takaful di Malaysia. Antaranya menghentikan had kos operasi yang mana sebelum ini terhad disebabkan garis panduan Kawalan Kos Operasi (OCC) oleh BNM (Yusuf, Muhammad & Ruzian; 2016). Kesannya, pengguna menikmati lebih banyak jenis produk perlindungan serta khidmat kewangan. Namun begitu walaupun terdapat usaha kerajaan untuk meningkatkan sektor insurans serta meningkatkan penerimaan dalam kalangan rakyat Malaysia tetapi industri insurans masih lagi ketinggalan jika dibandingkan diperingkat dunia dan pasaran serantau. Ini dapat dibuktikan apabila Tan, Yen, Hasan, dan Muhamed (2014) mendapati bahawa keamatan insurans (*insurance intensity*) Malaysia hanya US\$282.8 masih lagi di bawah purata dunia iaitu US\$364.30 pada tahun 2010 begitu juga Malaysia masih ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Jepun (US\$3,472.80), Hong Kong (US\$3,197.30) dan Singapura (US\$2,101.4).





Seterusnya, sektor insurans penting bagi individu atau isi rumah yang mana insurans dianggap sebagai penjamin keselamatan dari segi kewangan tidak kira jenis insurans yang dimiliki oleh isi rumah mahupun individu perseorangan. Insurans dapat membantu mereka ketika berhadapan dengan sebarang kemungkinan kerugian dan risiko kemalangan yang tidak diduga (Annamalah, 2013). Antaranya insurans dapat memberi perlindungan kepada penginsurans daripada risiko kecederaan atau kerugian akibat kemalangan, kecurian dan sebagainya. Begitu juga perlindungan terhadap keluarga yang memiliki insurans. Insurans dapat memberi jaminan terhadap masa depan keluarga dengan membekalkan simpanan dan pampasan kepada ahli keluarga jika berlaku kematian seperti insurans nyawa dan menanggung kos pendidikan anak-anak. Kebiasaannya insurans lebih terkenal dalam kalangan mereka yang memiliki pendapatan yang sederhana dan tinggi. Agak kurang penyertaan insurans dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah disebabkan kekangan kewangan yang mereka alami. Selain itu, mereka kurang percaya akan konsep insurans dalam membantu mereka semasa berhadapan dengan musibah.

Namun begitu, ada beberapa negara yang mendapat sambutan permintaan insurans yang baik daripada golongan berpendapatan rendah yang mewujudkan mikroinsurans. Antara negara-negara yang telah melaksanakan mikroinsurans bagi golongan berpendapatan rendah ialah negara India, Brazil, Albania, Georgia, Indonesia, Kenya, Laos, Pakistan dan Romania (Roth, McCord, & Liber, 2007). Kebanyakan negara ini memfokuskan mikroinsurans terhadap risiko harta, kesihatan, hayat, pengangguran, kecurian dan kemalangan. Penyertaan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah di negara-negara ini dalam mikroinsurans adalah amat baik dan mempunyai kesan dan pandangan yang positif daripada mereka.





Mikroinsurans adalah insurans yang difokuskan kepada golongan pendapatan rendah dengan kadar premium bulanan yang rendah sesuai dengan pendapatan yang diterima golongan ini (Roth et al., 2007). Walaupun kadar perlindungan yang akan diterima agak rendah jika berlaku sebarang kejadian luar jangka, namun ia sudah cukup bermakna dalam membantu pemegang polisi insurans dari segi kewangan. Dengan adanya mikroinsurans ini, kehidupan mereka tidaklah terjejas dari segi kewangan semasa berhadapan dengan sebarang risiko yang boleh mendorong mereka terlibat dengan tekanan emosi, berhutang dan sebagainya. Keadaan ini boleh mengundang keselamatan mereka.

Kebanyakan negara yang mengamalkan mikroinsurans ini adalah negara yang mempunyai tingkat pendapatan perkapita rakyatnya yang rendah. Hal ini demikian kerana mikroinsurans adalah salah satu langkah kerajaan negara-negara ini bagi membantu taraf hidup masyarakat berpendapatan rendah yang mudah terjejas terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil. Kerjasama kerajaan dan pihak insurans dalam membantu golongan ini bukan sahaja bagi manfaat kepada masyarakat tetapi kepada negara itu sendiri.

Statistik Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2016 menunjukkan bahawa 4 peratus daripada isi rumah dalam kalangan kumpulan berpendapatan terendah (B40) yang mempunyai perlindungan insurans hayat atau takaful keluarga. Selaras dengan matlamat BNM untuk menggalakkan sistem kewangan yang inklusif maka penggalakan tawaran produk mikroinsurans dan mikrotakaful yang lebih meluas telah menjadi keutamaan penting bagi BNM dalam usaha menangani jurang perlindungan ini. Tumpuan diberikan terutamanya pada pengurangan kos pengagihan





serta memudahkan reka bentuk dan penyampaian produk, di samping memastikan perlindungan yang bermakna kepada pemegang polisi. Malaysia pula masih baru dengan produk mikroinsurans atau mikrotakaful iaitu masih diperingkat perancangan antara kerajaan dengan Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2016).

Pasaran mikroinsurans/mikrotakaful masih diperingkat awal antara kerajaan dengan pihak industri insurans bagi membuat garis panduan ke atas produk ini supaya sesuai dengan isi rumah berpendapatan rendah di Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2016). Tujuan mikroinsurans/mikrotakaful ini dicadangkan agar produk insurans/takaful mampu dan sanggup dimiliki oleh isi rumah berpendapatan rendah bagi memenuhi perlindungan kewangan mereka. Usaha ini bertujuan menggalakkan syarikat insurans dan takaful menawarkan produk mikroinsurans dan mikrotakaful dengan lebih meluas dan murah. Pada masa yang sama, pihak BNM dan industri juga meningkatkan usaha dalam mendidik orang ramai tentang kepentingan dan kepentingan perlindungan insurans dan takaful, terutamanya dalam kalangan mereka yang berpendapatan terendah (B40) yang kurang mendapat perkhidmatan insurans dan takaful.

Sejak kertas perbincangan tersebut dikeluarkan, beberapa syarikat insurans dan takaful telah menunjukkan minat untuk memperkenalkan produk yang lebih mudah dan mampu diperoleh oleh kumpulan berpendapatan terendah (B40), dengan memanfaatkan saluran pengagihan alternatif termasuk sistem pos, perbankan ejen, agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan. Kesan daripada syarikat yang mengambil langkah awal ini dijangka menarik lebih banyak firma dalam industri ini untuk menawarkan produk mikroinsurans dan mikrotakaful pada masa hadapan.



Berdasarkan jadual di bawah, antara prinsip-prinsip yang perlu ada bagi produk mikroinsurans/mikrotakaful yang dicadangkan oleh pihak bank negara Malaysia:

Jadual 1.1

Cadangan prinsip-prinsip yang perlu ada bagi produk mikroinsurans/mikrotakaful

Bil	Prinsip	Penerangan
1.	Ringkas (<i>Simple</i>)	• Produk ditawarkan adalah mudah difahami oleh kumpulan sasaran. • Ciri produk adalah jelas yang tidak memerlukan penerangan yang rumit untuk difahami. • Manfaat, terma dan syarat adalah mudah dengan pengecualian minimum dan sekatan. • Semua pendedahan, bahan pemasaran dan bahasa yang digunakan mestilah mudah dan senang untuk difahami berdasarkan tahap kewangan kumpulan sasaran celik huruf.
2.	Perlindungan bukan keuntungan (<i>Protection needs-driven</i>)	• Kadar sumbangan premium/takaful yang diperuntukkan kepada perlindungan kewangan dimaksimumkan. • Perlindungan yang diberikan adalah relevan dan bermakna.
3.	Boleh diakses (<i>Accessible</i>)	• Sumbangan premium/takaful adalah berpatutan bagi kumpulan sasaran • Saluran pengedaran boleh diakses oleh kumpulan sasaran. • Ciri dan proses produk sesuai dengan kumpulan sasaran keadaan. • Semua proses termasuk sumbangan premium / takaful pembayaran, pembaharuan sijil polisi / takaful, tuntutan dan pertanyaan mudah dilakukan oleh kumpulan sasaran.
4.	Cekap (<i>Efficient</i>)	• Semua proses adalah sesuai dan tepat pada masanya bagi meminimumkan masa untuk membayar tuntutan. • Pentadbiran sokongan dipermudahkan, diperkemas, dan automatik.

Diadaptasi dari Bank Negara Malaysia, (2016)



Seterusnya, kumpulan sasaran yang dimaksudkan oleh Bank Negara adalah golongan yang berpendapatan terendah atau isi rumah berpendapatan terendah (B40). Terdapat beberapa pengkelasan kumpulan isi rumah di Malaysia yang dibezakan dengan pendapatan purata bulanan mereka iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20), kumpulan isi rumah berpendapatan pertengahan 40 peratus (M40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan terendah 40 peratus (B40). Berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2016 di Perak, kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan RM6,980 dan ke atas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Manakala kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di antara RM3,460 hingga RM6,979. Seterusnya bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,460. Isi rumah berpendapatan terendah (B40) ini menjadi fokus kerajaan Malaysia bagi meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan jurang pendapatan antara kumpulan B40 dengan kumpulan pendapatan yang lain.

Menurut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kumpulan berpendapatan terendah (B40) mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus bagi tempoh 2014 hingga 2016 iaitu peningkatan dari RM2,537 kepada RM2,848 (Mohd Uzir, 2017). Walaupun laporan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan pendapatan bulanan purata bagi kumpulan B40 tetapi masih terdapat jurang yang besar antara kumpulan M40 yang memperolehi pendapatan bulanan purata sebanyak RM6,502.





Selain itu, jurang yang sangat ketara antara isi rumah berpendapatan terendah (B40) dengan golongan yang memperolehi pendapatan tertinggi di Malaysia iaitu golongan T20 yang menerima pendapatan bulanan purata sebanyak RM16,088.

Selain itu, jurang pendapatan purata bulanan antara isi rumah berpendapatan terendah (B40) dengan pendapatan purata Malaysia adalah agak ketara yang mana pendapatan purata Malaysia adalah RM6,958. Ini menunjukkan bahawa isi rumah berpendapatan terendah (B40) masih jauh ketinggalan berbanding dua golongan teratas dari segi pendapatan. Kesannya, isi rumah berpendapatan terendah (B40) menghadapi tekanan hidup dari segi kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa kini. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi perbelanjaan isi rumah sama ada perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan lain. Agihan pendapatan bagi isi rumah berpendapatan terendah (B40) di Malaysia adalah 16.4 peratus berbanding kumpulan M40 dan T20 masing-masing 37.4 peratus dan 46.2 peratus pada 2016. Ini menunjukkan bahawa satu daripada 10 isi rumah Malaysia adalah terdiri daripada isi rumah berpendapatan terendah (B40) yang secara purata menerima pendapatan sebanyak RM2,848 sebulan dan selebihnya terdiri daripada golongan M40 dan T20.

Permintaan insurans dalam kalangan isi rumah kumpulan berpendapatan terendah (B40) sudah semestinya rendah berbanding kumpulan isi rumah T20 dan M40. Insurans dianggap barang mewah bagi isi rumah berpendapatan rendah dan mereka berharap harga polisi insurans dapat dikurangkan bagi meningkatkan kemampuan mereka untuk membeli polisi insurans terutama dalam polisi insurans hayat (Annamalah, 2013). Isi rumah berpendapatan terendah (B40) sebenarnya berminat dengan insurans tetapi disebabkan ketidakmampuan dalam memberi






komitmen terhadap bayaran premium insurans bulanan kerana mereka menggunakan pendapatan yang diperolehi sepenuhnya terhadap perbelanjaan harian (Rubayah & Nor Hamizah, 2017). Tambahan pula dengan telatah birokrasi semasa membuat tuntutan menyebabkan mereka tidak yakin untuk membeli produk-produk insurans. Dengan adanya kerjasama antara kerajaan dengan pihak insurans dalam mewujudkan insurans yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran iaitu isi rumah berpendapatan terendah (B40) seperti produk mikroinsurans/mikrotakaful yang mana tujuan sebenar adalah menjaga kebajikan bukan keuntungan semata-mata. Maka kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40) di Malaysia.



Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), pada tahun 2016, terdapat seramai 2.78 juta isi rumah berpendapatan terendah (B40) iaitu seramai 1.7 juta isi rumah yang berada di bandar manakala selebihnya di kawasan luar bandar. Perak merupakan negeri yang mempunyai paling ramai isi rumah berpendapatan terendah (B40) iaitu 12.5 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah berpendapatan terendah (B40) di Malaysia dan diikuti oleh negeri Sarawak iaitu 11.4 peratus dan Selangor di tempat ketiga iaitu 11 peratus .





Rajah 1.1. Peratusan isi rumah berpendapatan terendah (B40) di Malaysia mengikut negeri 2016. Diadaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017

Pendapatan bulanan purata isi rumah berpendapatan terendah (B40) hanya RM2,848 berbanding pendapatan bulanan purata isi rumah Malaysia iaitu RM6,958 pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa terdapat jurang pendapatan yang besar antara pendapatan yang diperolehi isi rumah berpendapatan terendah (B40) dengan pendapatan isi rumah Malaysia. Seterusnya, didapati 70 peratus sumber pendapatan isi rumah berpendapatan terendah (B40) adalah terdiri daripada gaji dan upah serta pendapatan daripada bekerja sendiri. Di samping itu, hampir 20 peratus pendapatan isi rumah berpendapatan terendah (B40) bergantung kepada pindahan tunai seperti BR1M, bantuan pendidikan, zakat dan sumbangan (Charon, 2016). Keadaan ini menunjukkan bahawa golongan ini masih lagi perlu bergantung kepada pihak ketiga seperti kerajaan dan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk menyara diri dan keluarga ditambah dengan kos sara hidup pada zaman sekarang yang semakin meningkat.



Selain itu, kecenderungan tabungan isi rumah berpendapatan terendah (B40) berada pada tahap yang rendah, ini memberi kesan kepada kedudukan kewangan dalam membuat perbelanjaan harian serta perbelanjaan luar jangkaan atau kecemasan. Pendapatan yang mereka perolehi hanya cukup untuk perbelanjaan harian dan bulanan mereka. Kesannya mereka berhadapan dengan masalah perbelanjaan melebihi pendapatan apabila mereka menghadapi perbelanjaan luar jangka seperti kos perubatan atau kemalangan. Hal ini kerana kos ubat dan perubatan bagi rawatan kesihatan di hospital semakin meningkat dari tahun ke tahun, yang mana kebanyakan alat perubatan dan ubat-ubatan diimport dari luar negara (Tumin, Kana & Zaki, 2016). Maka berlaku kecenderungan golongan ini untuk membuat pinjaman kerana perbelanjaan mereka telah melebihi pendapatan yang diperolehi. Selain itu, kedudukan kewangan isi rumah berpendapatan terendah (B40) semakin membingungkan dengan tahap keberhutangan yang tinggi untuk menampung perbelanjaan harian dan perbelanjaan luar jangka (Nurshahirah, Roza & Sabitha, 2017).

Berdasarkan situasi kewangan isi rumah berpendapatan terendah (B40) dari aspek pendapatan, tabungan, pinjaman dan perbelanjaan, jelas menunjukkan bahawa golongan ini mudah terjejas dengan kejutan ekonomi yang berlaku dan menghadapi risiko ketidakstabilan kewangan yang boleh menjejaskan kehidupan mereka. Langkah keselamatan yang sepatutnya dilakukan oleh isi rumah berpendapatan terendah (B40) adalah dengan memiliki simpanan atau insurans bagi mengurangkan risiko kerugian semasa berhadapan dengan kejutan ekonomi atau perbelanjaan luar jangka seperti kematian pra-matang, umur lanjut, kesihatan merosot, bencana alam dan sebagainya. Justeru, langkah yang sewajarnya bagi isi rumah berpendapatan terendah (B40)





adalah dengan membeli insurans bagi mengurangkan bebanan untuk membiayai kerugian jika berlaku kematian, kos perubatan jika mengalami kemalangan diri dan bagi membiayai kos perubatan jika menghadapi penyakit (Zainuddin et al., 2016).

Kajian ini berbeza dengan kajian sebelum ini yang lebih memfokuskan kepada golongan berpendapatan Menengah (M40) dan Tinggi (T20), namun kajian ini memfokuskan kepada golongan berpendapatan terendah (B40) kerana tidak ramai daripada mereka yang memiliki perlindungan insurans. Di samping itu, golongan ini sangat terdedah dengan ketidakstabilan ekonomi terutama jika berhadapan dengan keadaan luar jangka berbanding dengan golongan isi rumah yang lain. Selain itu, kajian ini berbeza dengan kajian sebelum ini yang tidak memasukkan faktor ekonomi iaitu pendapatan, simpanan dan pinjaman secara sekali gus. Selanjutnya, tidak terdapat banyak kajian yang memasukkan faktor jumlah perbelanjaan isi rumah terhadap permintaan insurans sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pemilikan perlindungan insurans.

Terdapat banyak kajian sebelum ini menggunakan model OLS (regresi linear), namun dalam kajian ini telah mengabungkan model OLS dengan model Logit yang merupakan regresi tidak linear bagi mencapai objektif kajian yang melibatkan kebarangkalian. Hal ini demikian kerana empat model yang dibina mempunyai kesinambungan kerana terdapat responden yang memiliki insurans dan yang tidak memiliki insurans. Manakala bagi responden yang memiliki insurans, berapakah jumlah perbelanjaan insurans yang dibuat setiap sebulan?. Di samping itu, bagi responden yang tidak memiliki insurans, adakah dalam kalangan mereka ingin memiliki insurans jika diberi kesempatan dan berapakah pula anggaran jumlah





perbelanjaan insurans yang mereka mampu?. Disebabkan perbezaan dalam kalangan responden ini, maka penggunaan Model Logit dan Model OLS diperlukan dan sesuai dengan kajian ini.

Maka kajian ini akan mengenalpasti tingkat permintaan insurans dalam kalangan B40 disamping mengenalpasti ciri-ciri isi rumah yang ingin dan mampu dalam memiliki insurans jika nilai premium insurans bulanan diminimumkan sesuai dengan kemampuan mereka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kebarangkalian pemilikan insurans, jumlah perbelanjaan insurans, kebarangkalian keinginan untuk memiliki insurans dan anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40). Kajian ini juga dapat mengenalpasti anggaran perbelanjaan insurans bulanan yang mampu diperuntukkan oleh isi rumah berpendapatan terendah (B40).

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini.

- a) Menenalpasti ciri-ciri isi rumah berpendapatan terendah (B40) yang:
 - i) Memiliki perlindungan insurans.
 - ii) Ingin memiliki perlindungan insurans.
- b) Menenalpasti faktor sosio-demografi dan ekonomi terhadap:
 - i) Kebarangkalian pemilikan insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40).





- ii) Jumlah perbelanjaan insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40).
- c) Mengenalpasti faktor sosio-demografi dan ekonomi terhadap:
 - i) Kebarangkalian keinginan untuk memiliki insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40).
 - ii) Anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat oleh isi rumah berpendapatan terendah (B40).

1.5 Persoalan Kajian

- a) Apakah ciri-ciri isi rumah berpendapatan terendah (B40) yang:
 - i) Memiliki perlindungan insurans?
 - ii) Ingin memiliki perlindungan insurans?
- b) Adakah faktor sosio-demografi dan ekonomi mempengaruhi:
 - i) Kebarangkalian pemilikan insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40)?
 - ii) Jumlah perbelanjaan insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40)?
- c) Adakah faktor sosio-demografi dan ekonomi mempengaruhi:
 - i) Kebarangkalian keinginan untuk memiliki insurans dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40)?
 - ii) Anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat oleh isi rumah berpendapatan terendah (B40)?



1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat empat kategori hipotesis berdasarkan objektif kajian yang mana dalam setiap kategori hipotesis dibahagikan kepada 12 hipotesis. Jadual 1.2 adalah hipotesis bagi menjawab objektif b(i) yang mengandungi 12 hipotesis.

Jadual 1.2

Hipotesis null (H_0) bagi Model Pemilikan Insurans

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 1	H_0 : Faktor jantina tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 2	H_0 : Faktor taraf perkahwinan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 3	H_0 : Faktor umur tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 4	H_0 : Faktor bangsa tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 5	H_0 : Faktor lokasi kediaman tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 6	H_0 : Faktor tahap pendidikan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 7	H_0 : Faktor jenis pekerjaan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 8	H_0 : Faktor bilangan tanggungan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 9	H_0 : Faktor pendapatan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 10	H_0 : Faktor perbelanjaan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

(Bersambung)

Jadual 1.2 (Sambungan)

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 11	H_0 : Faktor simpanan tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 12	H_0 : Faktor pinjaman tidak mempengaruhi pemilikan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

Jadual 1.3 adalah hipotesis bagi menjawab objektif b(ii) yang mengandungi 12 hipotesis.

Jadual 1.3

Hipotesis kajian bagi Model Jumlah Perbelanjaan Insurans

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 1	H_0 : Faktor jantina tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 2	H_0 : Faktor taraf perkahwinan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 3	H_0 : Faktor umur tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 4	H_0 : Faktor bangsa tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 5	H_0 : Faktor lokasi kediaman tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 6	H_0 : Faktor tahap pendidikan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

(Bersambung)



Jadual 1.3 (Sambungan)

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 7	H_0 : Faktor jenis pekerjaan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 8	H_0 : Faktor bilangan tanggungan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 9	H_0 : Faktor pendapatan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 10	H_0 : Faktor perbelanjaan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 11	H_0 : Faktor simpanan tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 12	H_0 : Faktor pinjaman tidak mempengaruhi jumlah perbelanjaan insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.



Jadual 1.4 adalah hipotesis bagi menjawab objektif c(i) yang mengandungi 12 hipotesis.

Jadual 1.4

Hipotesis kajian bagi Model Keinginan untuk Memiliki Insurans

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 1	H_0 : Faktor jantina tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 2	H_0 : Faktor taraf perkahwinan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 3	H_0 : Faktor umur tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 4	H_0 : Faktor bangsa tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 5	H_0 : Faktor lokasi kediaman tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 6	H_0 : Faktor tahap pendidikan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 7	H_0 : Faktor jenis pekerjaan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 8	H_0 : Faktor bilangan tanggungan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 9	H_0 : Faktor pendapatan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 10	H_0 : Faktor perbelanjaan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

(Bersambung)

Jadual 1.4 (Sambungan)

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 11	H_0 : Faktor simpanan tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 12	H_0 : Faktor pinjaman tidak mempengaruhi keinginan untuk memiliki insurans kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

Jadual 1.5 adalah hipotesis bagi menjawab objektif c(ii) yang mengandungi 12 hipotesis.

Jadual 1.5

Hipotesis kajian bagi Model Anggaran jumlah Perbelanjaan Insurans yang sanggup dibuat

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 1	H_0 : Faktor jantina tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 2	H_0 : Faktor taraf perkahwinan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 3	H_0 : Faktor umur tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 4	H_0 : Faktor bangsa tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 5	H_0 : Faktor lokasi kediaman tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

(Bersambung)

Jadual 1.5 (Sambungan)

Bil. hipotesis	Hipotesis
Hipotesis 6	H_0 : Faktor tahap pendidikan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 7	H_0 : Faktor jenis pekerjaan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 8	H_0 : Faktor bilangan tanggungan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 9	H_0 : Faktor pendapatan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 10	H_0 : Faktor perbelanjaan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 11	H_0 : Faktor simpanan tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.
Hipotesis 12	H_0 : Faktor pinjaman tidak mempengaruhi anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang sanggup dibuat kumpulan isi rumah berpendapatan terendah.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibahagikan kepada dua kategori pemboleh ubah tidak bersandar iaitu sosio-demografi dan ekonomi. Manakala pemboleh ubah bersandar pula terbahagi kepada empat kategori iaitu kebarangkalian pemilikan insurans (Hayat/ Kesihatan dan Perubatan/ Kemalangan Diri/Insurans Keluarga), jumlah perbelanjaan terhadap insurans, kebarangkalian terhadap keinginan untuk membeli insurans dan anggaran jumlah bayaran premium insurans yang sanggup dibuat.




Berdasarkan kepada teori asas penggunaan iaitu Hipotesis Pendapatan Kekal dan Hipotesis Pendapatan Kitaran Hayat, faktor utama yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah adalah pendapatan serta faktor-faktor lain. Seterusnya, terdapat banyak kajian yang telah memasukkan faktor bukan pendapatan seperti jantina, taraf perkahwinan, umur, bangsa, lokasi kediaman, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, bilangan tanggungan, simpanan dan pinjaman dalam menentukan faktor yang mempengaruhi perlindungan insurans isi rumah. Antaranya kajian Kakar dan Shukla, (2010), Lee, Kwon, dan Chung (2010), Bawa dan Ruchita (2011), Weni dan Marhanum (2012), Jones (2012), Arun, Bendig, dan Arun (2012), Schmidt (2012), Loke dan Goh (2012), Arpah (2012), Anuradha (2013), Sarwar dan Qureshi (2013), Tan et al. (2014), Brighetti, Lucarelli dan Marinelli (2014), Ahmed et al. (2016), Kansra dan Gill (2016), Peprah, Koomson, dan Forson (2017). Oleh yang demikian, kajian ini menjadikan teori asas penggunaan sebagai asas kepada kajian ini dengan mengambil kira faktor sosio-demografi dan ekonomi. Faktor-faktor yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan.

Berbeza dengan kajian-kajian yang disebutkan di atas, kajian Arun et al. (2012) dan Tan et al. (2014) mendapati faktor sosio-demografi dan ekonomi memainkan peranan penting terhadap pemilikan insurans. Hal ini kerana berdasarkan ciri-ciri sosio-ekonomi dan ekonomi seseorang isi rumah dapat mendorong pemilikan insurans dan perbelanjaan insurans di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil kira faktor sosio-demografi (jantina, taraf perkahwinan, umur, bangsa, lokasi kediaman, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan bilangan tanggungan) dan faktor ekonomi (pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pinjaman) dalam



mempengaruhi kebarangkalian pemilikan insurans, jumlah perbelanjaan terhadap insurans, kebarangkalian terhadap keinginan untuk membeli insurans dan anggaran jumlah bayaran premium insurans yang sanggup dibuat. Berikut adalah kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian. Diadaptasi daripada Tan et al. (2014)

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi impak yang positif terutamanya kepada kumpulan berpendapatan terendah (B40) di Malaysia berkaitan dengan jaminan diwaktu kecemasan melalui pemilikan insurans. Fokus kajian ini adalah menyiasat faktor yang mempengaruhi kebarangkalian pemilikan insurans, jumlah perbelanjaan terhadap insurans, kebarangkalian terhadap keinginan untuk membeli insurans dan anggaran jumlah bayaran premium insurans yang sanggup dibuat dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40). Secara umumnya, kepentingan perlindungan insurans dalam menjalani kehidupan seharian yang penuh dengan risiko dan kebarangkalian untuk mengalami kerugian perlulah diberi keutamaan. Misalnya, kepentingan pemilikan insurans adalah untuk menjamin perbelanjaan di waktu kecemasan terutamanya perbelanjaan perubatan. Hal ini adalah kerana kos perubatan adalah mahal menyebabkan golongan ini tidak mampu untuk membiayai kos perubatan yang melibatkan penggunaan teknologi tinggi dan ubat-ubatan yang diimport.

Hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemilikan polisi insurans bagi menjamin kesejahteraan hidup jika berlaku sebarang risiko kerugian, kemalangan, kematian dan penyakit. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang jelas kepada masyarakat mengenai faedah yang bakal diperolehi daripada pemilikan insurans hayat, insurans kesihatan dan perubatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga yang ditawarkan oleh syarikat insurans. Disamping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang peranan pendapatan dalam mempengaruhi sikap isi rumah



berpendapatan terendah (B40) dalam situasi yang berbeza berkaitan perlindungan insurans.

Seterusnya, hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada sektor kerajaan. Kerajaan memainkan peranan dalam menjaga kebajikan rakyat dan meningkatkan taraf hidup penduduk Malaysia terutama isi rumah di bawah kumpulan berpendapatan terendah (B40). Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak kerajaan dalam merancang dasar membantu dan meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan terendah (B40) melalui produk insurans atau mikroinsurans yang dapat membantu kumpulan ini ketika berhadapan dengan musibah atau keadaan luar jangka. Kerajaan boleh memasukkan unsur subsidi keatas produk mikroinsurans yang memfokuskan kepada kumpulan berpendapatan terendah (B40). Selain itu, pihak kerajaan boleh membuat kerjasama dengan syarikat insurans dengan mewujudkan syarikat insurans di bawah badan berkanun yang dapat meminimumkan jumlah premium bagi golongan ini untuk mencarum insurans.

Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak yang berkaitan dengan insurans supaya dapat merangka program pendidikan atau galakan yang sesuai dalam meningkatkan kesedaran pengguna terhadap pengurusan kewangan melalui pembelian polisi insurans hayat, insurans kesihatan dan perubatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga bagi membantu kumpulan berpendapatan terendah (B40) jika berlaku sebarang perkara luar jangka. Di samping itu, kajian ini dapat membantu pihak insurans dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang ditawarkan kepada golongan ini. Selain itu, pihak insurans dapat





merancang dan merangka produk yang sesuai dan produk yang dapat menarik minat golongan ini untuk membelinya.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam bidang ilmu pengetahuan berkaitan polisi insurans. Kajian ini boleh digunakan sebagai sumber rujukan kepada pelajar, ahli-ahli akademik, masyarakat, pihak insurans dan pembuat dasar dalam bidang yang bersesuaian dengan dapatan kajian ini. Di samping itu, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap metodologi yang boleh digunakan dalam kajian-kajian akan datang.



1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor penentu kebarangkalian pemilikan insurans, jumlah perbelanjaan terhadap insurans, kebarangkalian terhadap keinginan untuk membeli insurans dan anggaran jumlah bayaran premium insurans yang sanggup dibuat dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40). Responden dalam kajian ini terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan terendah (B40) iaitu yang memperolehi pendapatan bulanan RM3460 ke bawah menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016 khusus di negeri Perak. Kajian ini dijalankan ke atas isi rumah di negeri Perak yang dianggarkan seramai 500 hingga 1000 responden yang diperlukan iaitu di daerah Kinta. Daerah Kinta merupakan daerah yang paling ramai golongan berpendapatan terendah B40. Menurut peratusan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah, strata dan daerah pentadbiran, Perak 2014





dan 2016 iaitu sebanyak 33.4% golongan berpendapatan terendah (B40) yang berada di daerah Kinta, Perak. Terdapat tiga mukim atau bandar yang dipilih berdasarkan kawasan tumpuan isi rumah berpendapatan terendah B40 iaitu Ipoh utara, Tanjung Tualang dan Jelapang.

1.10 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang memerlukan penerangan yang lebih jelas dan terperinci mengenai istilah, frasa dan ayat yang digunakan sebagai rujukan. Tujuan definisi operasional adalah bertujuan untuk menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi (Marican, 2005). Pendefinisian

istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.10.1 Pemilikan Insurans dan Jumlah Perbelanjaan Insurans

Maksud jangka hayat ialah purata bilangan tahun seseorang itu dijangka hidup selepas ianya dilahirkan ke dunia (Siti Fatimah, Khairul Azhar & Abu Bakar, 2009). Pada tahun 2020 Malaysia dijangka mempunyai umur jangka hayat sebanyak 75 tahun. Dalam kajian ini perbelanjaan insurans ialah insurans hayat, insurans kesihatan dan perubatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga. Empat jenis insurans ini mewakili perbelanjaan jangka hayat yang mana perbelanjaan jangka hayat ini adalah jumlah perbelanjaan insurans yang diperuntukkan oleh isi rumah. Perbelanjaan





insurans ini adalah bagi menjamin mereka semasa menghadapi kesulitan terutama melibatkan perbelanjaan yang ditanggung jika berlaku kemalangan ke atas diri, kematian ahli keluarga dan menghadapi penyakit serta membiayai kos perubatan.

Insurans Hayat dan Insurans Kemalangan Diri

Insurans hayat adalah perlindungan yang membayar sejumlah wang kepada pemegang polisi atau penama sekiranya terjadi sesuatu yang tidak diingini kepada pemegang polisi, seperti kematian (Yusuf, Muhammad, & Ruzian, 2016). Perlindungan ini juga ditawarkan dalam bentuk pelan takaful keluarga iaitu sebuah pelan perlindungan untuk pemegang polisi dan ahli keluarga yang berlandaskan prinsip Syariah. Lazimnya, tempoh perlindungan insurans hayat adalah lebih dari setahun. Ini bermakna bayaran premium secara berkala, sama ada bulanan, suku tahunan atau tahunan, perlu dijelaskan. Seterusnya insurans Kemalangan Diri (KD) yang merupakan polisi insurans tahunan yang menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang hanya berlaku disebabkan oleh kejadian yang bersifat ganas, tidak sengaja, luaran dan jelas kelihatan (Undang-undang Malaysia, 2011). Ianya merupakan polisi yang berbeza daripada insurans hayat dan insurans perubatan dan kesihatan. Pembelian insurans KD untuk diri sendiri atau polisi berkumpulan untuk keluarga. Polisi KD memberikan perlindungan insurans 24 jam di seluruh dunia.





Insurans Kesihatan Dan Perubatan

Selain itu insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK) ialah satu polisi yang melindungi kos rawatan perubatan swasta yang memerlukan kos yang tinggi, seperti kos kemasukan ke hospital dan pembedahan (Arpah, 2012). Polisi insurans ini juga menjamin pembiayaan sekiranya pemegang polisi memerlukan rawatan kecemasan. Terdapat empat jenis polisi insurans ini iaitu insurans hospital dan pembedahan bagi menampung perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan yang ditanggung disebabkan penyakit yang dilindungi di bawah polisi (Tumin, Kana & Zaki, 2016). Kedua insurans penyakit yang amat ditakuti, atau penyakit kritikal yang menyediakan pembayaran manfaat secara sekaligus apabila pemegang polisi didiagnosis menghadapi mana-mana 36 penyakit yang amat ditakuti atau penyakit-penyakit yang telah ditetapkan. Ketiga adalah insurans pendapatan akibat hilang upaya yang menyediakan sumber pendapatan yang berterusan apabila pemegang tidak lagi dapat bekerja akibat sakit atau cedera. Keempat adalah insurans pendapatan hospital bagi membayar pemegang polisi sejumlah wang tertentu secara harian, mingguan atau bulanan, tertakluk kepada had tahunan, sekiranya pemegang polisi perlu tinggal di hospital kerana penyakit yang dilindungi, tidak sihat atau cedera.

Insurans Keluarga

Selanjutnya insurans keluarga ialah takaful keluarga yang menawarkan faedah perlindungan insurans hayat dan simpanan jangka panjang kepada pemegang polisi (Rubayah & Nor Hamizah, 2017). Pemegang polisi atau waris akan mendapat manfaat dalam bentuk kewangan jika ditimpa kemalangan. Pada masa yang sama,





pemegang akan menikmati simpanan persendirian jangka panjang kerana sebahagian daripada caruman akan didepositkan ke dalam sebuah akaun untuk tujuan simpanan. Pemegang polisi boleh memilih sendiri tempoh matang pelan dan tidak ada pelucutan hak sekiranya membatalkan pelan takaful keluarga. Pemegang polisi juga layak dikecualikan daripada cukai pendapatan jika menyertai pelan takaful keluarga. Terdapat dua jenis insurans keluarga iaitu jenis insurans keluarga biasa dan insurans keluarga jenis anuiti (pelan yang memberi pendapatan tetap selepas bersara).

Pemilikan Insurans

Pemilikan insurans yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kebarangkalian isi rumah dalam memiliki insurans sama ada isi rumah memiliki insurans atau isi rumah yang tidak memiliki insurans. Pemilikan insurans adalah salah satu pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini yang bersifat *non-continuous* atau data dalam bentuk kualitatif yang dikenali sebagai pemboleh ubah binari, pemboleh ubah patung dan pemboleh ubah *zero-one*. Tujuan pemboleh ubah ini dimasukkan dalam regresi sebagai pemboleh ubah bersandar adalah kerana dalam kalangan isi rumah berpendapatan terendah (B40) ini tidak ramai yang memiliki insurans. Maka pemboleh ubah ini dimasukkan bagi mengenalpasti ciri-ciri isi rumah berpendapatan terendah (B40) yang memiliki insurans serta yang tidak memiliki insurans. Analisis yang digunakan apabila terdapatnya pemboleh ubah binari adalah menggunakan regresi Logit.



Jumlah Perbelanjaan Insurans

Seterusnya, pemboleh ubah bersandar jumlah perbelanjaan insurans dalam kajian ini adalah jumlah premium yang dibayar setiap bulan merangkumi empat jenis insurans atau takaful iaitu insurans hayat, insurans kesihatan dan perubatan, insurans kemalangan diri dan insurans keluarga. Pemboleh ubah bersandar ini adalah data bersifat *continuous*, maka analysis yang digunakan adalah regresi biasa iaitu OLS (*Ordinary Least Square*) atau Kuasa Dua Terkecil.

1.10.2 Keinginan untuk Memiliki Insurans dan Anggaran Jumlah Perbelanjaan Insurans yang Sanggup Dibuat

Menurut Ahmed et al. (2016), kesanggupan untuk membayar insurans (*willingness to pay-WTP*) ialah sama ada isi rumah atau individu mahu atau tidak mahu untuk memperuntukkan sebahagian pendapatan mereka untuk membayar insurans dan soalan ini dipanggil sebagai “*bidding game*” iaitu sama ada mereka menerima atau menolak. Maka dalam kajian ini keinginan untuk memiliki insurans adalah sama ada isi rumah berpendapatan terendah (B40) sanggup atau mahu untuk memiliki insurans dan jika mereka mahu dan sanggup maka berapakah anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang mampu mereka peruntukkan dalam sebulan. Keinginan untuk memiliki insurans juga adalah salah satu pemboleh ubah bersandar yang mana pemboleh ubah ini dipanggil juga sebagai pemboleh ubah binari. Maka data bagi pemboleh ubah ini adalah ‘1’ bagi isi rumah yang ingin untuk memiliki insurans manakala ‘0’ adalah isi rumah yang tidak ingin memiliki insurans. Maka regresi yang akan digunakan adalah regresi Logit. Manakala anggaran jumlah perbelanjaan insurans yang mampu dibuat adalah jumlah premium insurans yang sanggup dibayar pada setiap bulan. Ia



merupakan pemboleh ubah bersandar yang bersifat *continous* dan menggunakan kaedah OLS untuk menganalisis data.

1.10.3 Isi Rumah Berpendapatan Terendah (B40)

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Manakala kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di Perak merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,490.



1.10.4 Pendapatan Semasa

Pendapatan isi rumah ialah jumlah pendapatan yang biasanya diterima (terakru) oleh ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima berulang kali dalam tempoh rujukan penyiasatan (jangka masa setahun atau lebih kerap) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Pendapatan semasa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah jumlah pendapatan yang diterima sebulan oleh isi rumah berpendapatan terendah (B40) termasuk suami dan isteri jika kedua-duanya bekerja.





1.10.5 Pemboleh ubah dami dalam faktor sosio-demografi

Dalam bidang ekonometrik, terutamanya dalam analisis regresi, pemboleh ubah dami iaitu pemboleh ubah patung yang juga dikenali sebagai indikator yang berubah-ubah, penunjuk *Boolean*, pemboleh ubah mutlak, pemboleh ubah perdua, pemboleh ubah binari, atau pemboleh ubah kualitatif ialah suatu yang mengambil nilai '0' atau '1' menunjukkan ketiadaan atau kehadiran sedikit mutlak (Gujarati & Porter, 2009). Pemboleh ubah dami juga mempunyai dua kategori seperti jantina iaitu lelaki dan perempuan. Selain itu, pemboleh ubah yang mempunyai lebih daripada dua kategori seperti pemboleh ubah bangsa iaitu Melayu, Cina dan India, maka India merupakan kumpulan rujukan (Tham, Ishak, & Rahmah, 2013). Berdasarkan kajian ini terdapat beberapa pemboleh ubah dami yang digunakan antaranya dami jantina (lelaki dan perempuan), taraf perkahwinan (bujang), berkahwin dan ibu atau bapa tunggal, bangsa (Melayu, Cina, India), lokasi kediaman (bandar dan luar bandar), jenis pekerjaan (kerajaan, swasta dan sendiri) dan tahap pendidikan (sekolah rendah, sekolah menengah, STPM/Diploma dan Ijazah dan ke atas). Pemboleh ubah ini dikenali sebagai pemboleh ubah kawalan atau pemboleh ubah berketegori. Data bagi pemboleh ubah berketegori yang dimaksudkan dalam model dikodkan dengan angka '0' dan '1' (Ramlee, et al. 2014).





1.10.6 Bilangan Tanggungan

Menurut Tan et al. (2014), bilangan tanggungan ialah jumlah ahli keluarga dalam isi rumah dan Ahmed et al. (2016) pula menyatakan bahawa bilangan tanggungan ialah bilangan ahli isi rumah. Kedua-dua pendapat ini membawa maksud yang sama iaitu bilangan isi rumah yang tinggal bersama. Manakala dalam kajian Arun et al. (2012) membahagikan bilangan tanggungan kepada bilangan anak, bilangan tanggungan yang terdiri daripada golongan muda dan tua. Ini bermaksud bahawa bilangan tanggungan adalah bilangan ahli keluarga yang terdiri golongan muda seperti kanak-kanak dan remaja manakala golongan tua pula adalah warga emas. Kebanyakan golongan ini tidak bekerja dan ditanggung oleh ketua isi rumah. Bilangan tanggungan dalam kajian ini pula bermaksud bilangan isi rumah yang masih dibawah jagaan ketua isi rumah sama ada golongan kanak-kanak, remaja dan warga emas.



1.10.7 Perbelanjaan, Simpanan dan Pinjaman

Perbelanjaan adalah nilai amaun yang dibayar oleh pembeli, atau bersetuju untuk membayar, kepada penjual sebagai pertukaran untuk barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh penjual kepada mereka atau kepada unit institusi lain yang dikhaskan oleh pembeli (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Perbelanjaan penggunaan isi rumah pula adalah segala perbelanjaan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan dan perkhidmatan iaitu semua perbelanjaan sama ada tunai atau kredit oleh ahli-ahli isi rumah ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan persendirian. Jenis perbelanjaan ini termasuk juga cukai-cukai yang dibayar untuk mendapatkan





barangan dan perkhidmatan tersebut; semua barangan, perkhidmatan dan kemudahan yang diterima dalam bentuk mata benda sama ada secara percuma atau konsesi, diambil kira sebagai perbelanjaan. Contohnya, makanan dan tempat penginapan percuma atau dengan bayaran konsesi. Nilai daripada makanan dan tempat penginapan tersebut dikira sebagai perbelanjaan kepada IR berkenaan; barangan penggunaan sendiri. Contohnya sayur-sayuran hasil tanaman sendiri atau barangan yang di ambil dari kedai runcit sendiri untuk kegunaan persendirian perlu dibuat imputasi mengikut harga runcit. Nilai harga tersebut dikira sebagai perbelanjaan IR berkenaan; dan nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya juga diambil kira sebagai perbelanjaan. Nilai sewa tersebut perlu dibuat imputasi mengikut nilai sewa pasaran semasa untuk jenis rumah yang sama di kawasan yang sama. Perbelanjaan dalam kajian ini ialah perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah iaitu semua jumlah perbelanjaan barang dan perkhidmatan seperti makanan dan minuman, pakaian, rumah (sewa rumah, pinjaman rumah), utiliti, pengangkutan, kesihatan, pendidikan, hiburan dan perbelanjaan insurans. Dengan erti lain perbelanjaan ialah pendapatan setelah ditolak dengan simpanan jika ada.

Seterusnya, simpanan ialah pendapatan boleh guna tolak perbelanjaan penggunaan akhir atau pendapatan boleh guna terlaras tolak penggunaan akhir semasa (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Simpanan ialah tabungan atau al-wadiah iaitu seorang pemilik harta menahan diri daripada menggunakan semua pendapatan pada masa sekarang untuk meningkatkan tabungan atau simpanan pada masa hadapan (Mujaini, 2006). Simpanan mewakili aset bagi isi rumah dalam kajian ini manakala terdapat beberapa kajian yang memasukkan item aset seperti rumah, tanah dan sebagainya. Namun dalam kajian ini simpanan di bank-bank deposit seperti





ASB, Tabung Haji dan sebagainya lebih sesuai mewakili aset yang dimiliki oleh golongan isi rumah berpendapatan terendah (B40). Maka dalam kajian ini, simpanan atau tabungan yang dimaksudkan adalah simpanan bank yang dibuat oleh ketua isi rumah pada setiap bulan.

Selanjutnya, pinjaman secara umumnya boleh didefinisikan sebagai sejumlah wang yang diterima oleh individu daripada sumber tertentu yang perlu dibayar balik (Che Ros, Cheng, & Khoo; 2002). Namun pinjaman bukanlah pengganti wang tunai tetapi satu komitmen yang perlu dilunaskan menggunakan pendapatan, dalam tempoh yang ditetapkan, dan mengambil masa mungkin seminggu, sebulan, setahun atau bertahun-tahun lamanya (Permodalan Nasional Berhad, 2017). Maka dalam kajian ini mengambil kira pembayaran balik pinjaman setiap bulan yang dibuat oleh isi rumah.



Antara bayaran balik pinjaman terdiri daripada pinjaman pelajaran, pinjaman peribadi, pinjaman kereta, pinjaman rumah dan pinjaman perniagaan jika ada.

1.11 Rumusan

Latar belakang kajian ini memberi gambaran awal keseluruhan kajian yang hendak dikaji iaitu tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan insurans dalam kalangan B40 di Malaysia. Manakala, pernyataan masalah kajian pula menyatakan masalah yang wujud dalam masyarakat dan memberi implikasi terhadap masyarakat tentang keperluan perbelanjaan insurans dalam menghadapi situasi yang diluar jangka. Oleh yang demikian, kajian ini menetapkan beberapa objektif bagi menjawab persoalan-persoalan yang wujud dalam kajian ini dengan membina hipotesis-hipotesis





yang hendak diuji. Oleh itu, kerangka konseptual kajian telah dirangka bagi memperlihatkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini bagi menjawab objektif kajian. Seterusnya, kajian ini juga diharapkan dapat membantu masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memberi maklumat dan pengetahuan. Seterusnya, definisi operasional juga dijelaskan bagi tujuan memperjelaskan dengan lebih terperinci tentang istilah-istilah yang digunakan seperti perbelanjaan insurans, isi rumah berpendapatan terendah (B40) dan sebagainya.

